

MOTAC 360°

EDISI 3: 16 - 30 SEPTEMBER 2024



SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024 DI PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU

MENARIK DI DALAM

**SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024
DI PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU** 2

**FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024
MALAYSIA MADANI** 4

**"4TH WORLD ISLAMIC TOURISM CONFERENCE(WITC):
PERKUKUH KERJASAMA GLOBAL DALAM PELANCONGAN
ISLAM"** 9

**MAJLIS SAMBUTAN WORLD TOURISM DAY (WTD)
2024** 10

**TOURISM EXPO JAPAN (TEJ) AND
THE 7TH TOURISM EXPO JAPAN MINISTERIAL ROUND
TABLE, TOKYO, JAPAN**
..... 13

**MPROGRAM TOWNHALL MALAYSIA MY SECOND
HOME (MM2H) BERSAMA BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NEGERI DAN MOTAC NEGERI** 16



SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024 DI PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU



16 SEPTEMBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Sambutan Hari Malaysia 2024 yang diadakan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu. Bertemakan **“Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka”**, Sambutan Hari Malaysia yang diadakan di Sabah pada tahun ini telah memaparkan elemen-elemen kreatif pertunjukan *hologram* dan persembahan bunga api. Kehadiran lebih 40,000 orang pengunjung ke acara ini memeriahkan suasana dan persembahan pembukaan dimulakan dengan Tarian Sambut Tamu *“Heart of Sabah”* yang memaparkan kepelbagaian kaum di Sabah.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim; Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor dan Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah menyempurnakan secara simbolik dengan menandatangani Buku Khas Sambutan Hari Malaysia 2024. Upacara memotong kek Hari Malaysia 2024 pula telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin dan YABhg. Toh Puan Datin Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni.



Upacara menaikkan Jalur Gemilang dilaksanakan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia selepas penyerahan Jalur Gemilang daripada Konvoi Kembara Merdeka Tahun 2024 yang diketuai oleh YBrs. Puan Jainisah binti Mohd Noor, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sabah. Sambutan pada kali ini turut menampilkan persembahan **“Rumah MADANI Jiwa Merdeka”** yang memfokuskan nilai-nilai patriotisme, kemerdekaan dan perpaduan sebagai lambang kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia. Persembahan ini melibatkan lima segmen utama iaitu Negaraku, Perpaduan, Dinamik Kemajuan, Transformasi Negara dan Jiwa.



Turut hadir ke acara ini YAB Timbalan-timbalan Perdana Menteri; YB Datuk Christina Liew Chin Jin, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Malaysia 2024; YB Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi; YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya; YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC); Jemaah Menteri-menteri Kabinet Persekutuan, kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

“Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka”



SEKITAR SESI LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI MOTAC BERSAMA PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI SEKTOR KEBUDAYAAN KE TAPAK WARISAN DAN PUSAT INDUSTRI SENI DAN KRAF DI PERAK



16 SEPTEMBER 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Sesi Lawatan Kerja bersama Pengurusan Tertinggi Sektor Kebudayaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ke Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong serta Pusat Industri Seni dan Kraf di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Perak. YB Timbalan Menteri turut merasmikan Tapak Arkeologi Kota Tampan sempena lawatan ke Galeri Arkeologi Lembah Lenggong serta menyaksikan lebih dekat kesan peninggalan sejarah di Tapak Arkeologi Bukit Bunuh dan Bukit Sapi. Seterusnya, YB Timbalan Menteri dibawa melawat ke Galeri Jualan Produk Kraf yang menampilkan produk kraf usahawan Perak dan produk Komuniti Kraf Lenggong selain menyaksikan Demonstrasi Kraf Batik Tanah Liat dari komuniti PDK Batik Lenggong, Demonstrasi Kraf Tembikar dan Galeri Warisan di Pejabat Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Perak.

Hadir sama, YBrs. Dr. Tan Awang Besar, Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, YBrs. Tuan Mohamad Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara (JWN), YBrs. Tuan Amerrudin bin Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, YBrs. Puan Zubaidah binti Mukhtar, Ketua Pengarah Istana Budaya, YBrs. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan dan pegawai kanan MOTAC.

Festival KRAF UTARA
NORTHERN CRAFT FESTIVAL 2024

27 SEPT. - 6 OKT. 2024
KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN PERLIS

10.00 PAGI / A.M. - 10.00 MALAM / P.M.

SEMUA DIJEMPUT HADIR
ALL ARE INVITED

Aktiviti Menarik

Pameran JABATAN WARISAN NEGARA

Kenali Sayangi dan Lestari Warisan Kita

- TEKNOLOGI TANGGAM - TEKNOLOGI ALAT BATU PRASEJARAH
- PERMAINAN TRADISIONAL - ANYAMAN KELARAI
- KUIZ WARISAN - MEWARNA BUTIRAN WARISAN

20 - 21 September 2024 | 10 pagi - 10 malam
22 September 2024 | 10 pagi - 6 petang

Pavilion Pameran

Festival Budaya Putrajaya 2024

20 - 22 SEPTEMBER 2024 | 9.00 PAGI - 11.00 MALAM | DATARAN PUTRAJAYA PRESINT 3, PUTRAJAYA

Festival Kraf BORNEO

26 SEPT. - 13 OKT. 2024

MAIN ENTRANCE & CENTRE ATRIUM
PUSAT BELI-BELAH 1 BORNEO, KOTA KINABALU

10.00 PAGI / A.M. - 10.00 MALAM / P.M.

SEMUA DIJEMPUT HADIR
ALL ARE INVITED



FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024 MALAYSIA MADANI



20 SEPTEMBER 2024 2024 - Sekitar aktiviti yang telah berjalan sepanjang **Festival Budaya Putrajaya 2024** di Dataran Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program ini bermula dari 20 hingga 22 September 2024 yang membawakan pelbagai program dan aktiviti menarik seperti *Bicara Warisan: Kenali Badan Bukan Kerajaan UNESCO (Accredited NGO)*, *Pertandingan Tarian Tradisi*, *Pertandingan Street Dance*, *Persembahan Tarian Orang Asli dan Sabah*, *Demonstrasi Teh Tarik dan Roti Canai* serta banyak lagi. Orang ramai telah memeriahkan Festival Budaya Putrajaya 2024 yang bermula seawal jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam.

PAVILION PAMERAN FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024



22 SEPTEMBER 2024 2024 - Sekitar program yang berjalan di Festival Budaya Putrajaya 2024 iaitu *Pertandingan Doodle* yang berlangsung di Pavilion Pameran Festival Budaya Putrajaya 2024, Dataran Putrajaya, Presint 3, W.P. Putrajaya. **"Perpaduan Melalui Seni Budaya & Warna-Warni MADANI"**.

20 SEPTEMBER 2024 2024 - Suasana kemeriahan Pavilion Pameran sempena Festival Budaya Putrajaya 2024 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) di Dataran Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Festival kali ini menampilkan sebanyak 42 ruwai terdiri daripada 28 ruwai MOTAC termasuk jabatan dan agensi serta 14 produk pelancongan Putrajaya. Pavilion menampilkan seni budaya dan warisan serta pelancongan negara mendapat sambutan dari orang ramai yang mengunjung festival kali ini.

Pelbagai pengisian dan aktiviti interaktif turut dijalankan seperti demo kraftangan, jualan batik dan kraftangan, Pameran Miniatur Budaya Malaysia, pameran teknologi tanggam dan teknologi alat batu prasejarah serta anyaman kelalai, permainan tradisional dan banyak lagi. Di Pentas Pameran turut akan membawa pelbagai persembahan dan aktiviti seperti Persembahan Boria, Tarian Opera Cina, India dan Sarawak, Tourism Talk oleh PPj dan pertandingan seperti Ratu Cantik, Ratu Kebaya Cilik dan "Street Dance".



FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024 MALAYSIA MADANI

PROGRAM JOM! SARAPAN DAN SANTAI FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024



21 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) hadir merasmikan program Jom! Sarapan dan Santai bersempena Festival Budaya Putrajaya 2024 di Padang Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Unikny, program Jom! Sarapan dan Santai ini dihadiri oleh tetamu dan orang awam yang mengenakan busana tradisional bagi menyemarakkan seni budaya dan warisan negara. Sebanyak 1,000 makanan Menu Sarapan Malaysia dihidangkan kepada tetamu yang hadir terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Program Jom! Sarapan dan Santai ini merupakan salah satu inisiatif MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Malaysian Craft Council (MCC) mengangkat Menu Sarapan Malaysia seperti Nasi Lemak, Roti Canai, Teh Tarik dan sebagainya. Program yang dijalankan sempena Festival Budaya Putrajaya 2024 ini turut mendapat sambutan daripada penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan sekitar Lembah Klang.

Turut hadir, YBrs. Encik Rosnan bin Abdul Rahman, Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara MOTAC, YBrs. Encik Mohd Radzi bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN, dan Pengurusan Tertinggi MOTAC.

SENAM NEON BUDAYA FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA


20 SEPTEMBER 2024 - Festival Budaya Putrajaya 2024 turut menganjurkan Senam Neon Budaya di Pentas Pameran, Pavilion Pameran Festival Budaya Putrajaya. Senam bertemakan budaya dan diselitkan dengan gabungan pancaran lampu neon merupakan usaha kepada galakan gaya hidup sihat sempena penganjuran Festival Budaya Putrajaya 2024. Pelbagai aktiviti dan pengisian interaktif menarik yang dijalankan di Pavilion Pameran sempena Festival Budaya Putrajaya 2024.



TEATER CINTA AHMAD MUTAWAKKIL DI FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024



20 SEPTEMBER 2024 - Festival Budaya Putrajaya 2024 kali ini mempersembahkan teater budaya bertajuk Cinta Ahmad Mutawakkil yang dipentaskan di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Teater di bawah arahan Amirul Haswendy Ashari turut menampilkan barisan pelakon seperti Shah Iskandar, Mimi Enirda, Along Eyzendy, Geoff Andre Feyeaerts, Adam Shahz, Bibiana Anthony, AG Hafiz, Md Husin, Haikal dan ramai lagi. Orang ramai turut dijemput hadir ke pementasan Teater Cinta Ahmad Mutawakkil yang berlangsung pada 20, 21 September 2024 jam 8.30 malam dan 22 September 2024 pada jam 2.30 petang.





FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024 MALAYSIA MADANI

MAJLIS PERASMIAN DAN KONSERT FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024




21 SEPTEMBER 2024 - YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) mewakili Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah merasmikan Festival Budaya Putrajaya 2024 yang bertemakan **"Perpaduan Melalui Seni Budaya"**. Ucapan aluan pula telah disampaikan oleh YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis Perasmian kali ini telah diserikan dengan persembahan khas berkonsepkan **"Warna-Warni MADANI"** yang turut menampilkan artis-artis terkenal tanah air seperti Aina Abdul, Izzue Islam, Khai Bahar, Soo Wincci, Santesh dan ramai lagi.

Festival Budaya Putrajaya 2024 dianjurkan selama tiga (3) hari bermula dari 20 hingga 22 September 2024. Festival ini merupakan satu usahasama penting antara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama rakan strategik Perbadanan Putrajaya (PPj), serta jabatan dan agensi kerajaan lain. Penganjuran kali kedua berskala besar di Putrajaya ini adalah sebagai usaha berterusan kerajaan dalam memulihara serta menyemarakkan seni, budaya dan warisan negara bagi generasi akan datang.



Pengisian program dengan aktiviti-aktiviti menarik ini juga sekaligus mengangkat keunikan seni budaya di samping mempromosikan pelancongan budaya di Malaysia. Persembahan dan karya yang disajikan juga menitikberatkan keunikan dan kepelbagaian masyarakat berbilang bangsa Malaysia. Selaras dengan gagasan Malaysia MADANI, penganjuran festival ini turut memupuk semangat kenegaraan dan menjunjung tinggi nilai-nilai MADANI yang berteraskan kemakmuran, kedaulatan dan keadilan sosial.

MOTAC turut mengucapkan terima kasih kepada YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan wakil-wakil kedutaan luar negara di atas kesudian menghadiri Majlis Perasmian Festival Budaya Putrajaya 2024. Turut hadir, YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC; YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan; YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya; Ketua-ketua Setiausaha Kementerian; Ketua-ketua jabatan dan agensi.





SEAN RETAIL-CHAINS & FRANCHISE FEDERATION (ARFF) MARKS 15 YEARS OF EXCELLENCE

20 SEPTEMBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, the Deputy Minister of Tourism, Arts and Culture graced the ARFF 15th Anniversary and witnessed by YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, the 9th Prime Minister of Malaysia who is also ARFF's patron. Hosted at the Sheraton Hotel, Petaling Jaya, this anniversary dinner is a celebration of ARFF's past achievements and a significant moment for fostering connections among members, industry leaders, and partners. The event was also attended by a notable group of guests, including ambassadors from Cambodia and Myanmar along with representatives from the embassies of Brunei, Thailand, Singapore, Indonesia, Vietnam and Laos. It also featured presidents and chairpersons from leading trade associations and chambers of commerce, enhancing the evening's prestige and offering valuable networking opportunities.



23 SEPTEMBER 2024 - Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah menghadiri Majlis Penyerahan Kerja Menaik Taraf Kompleks Hang Tuah Centre, Duyong, Melaka dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Melaka sebagai Agensi Pelaksana dan Balqieza Enterprise sebagai kontraktor yang berjaya menyiapkan projek ini pada 18 Ogos 2024. Kerja-kerja menaik taraf Kompleks Hang Tuah Centre, Duyong, dengan peruntukan sebanyak RM4 juta, merupakan salah satu daripada tiga (3) projek di Melaka yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah Peruntukan Khas: Kumpulan Wang COVID-19 pada tahun 2021.

Projek ini bertujuan untuk menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi kampung-kampung budaya, dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM20 juta yang turut disalurkan kepada Negeri Sembilan, Sarawak, Terengganu, serta Melaka. Kerja-kerja penambahbaikan ini melibatkan skop kerja sivil, elektrik, dan mekanikal, yang merangkumi projek menaik taraf persekitaran, hiasan dalaman, dan pelbagai kerja berkaitan di Kompleks Hang Tuah Centre. Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Wira KSU MOTAC berharap agar siapnya projek ini akan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke Hang Tuah Centre khususnya, serta ke Negeri Melaka amnya.

Beliau turut berharap projek ini akan menyemarakkan sambutan Tahun Melawat Melaka 2024 dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2026. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri Melaka; YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YBrs. Encik Mohd Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Prasarana MOTAC; YBrs. Tuan Ir. Haji Mohd Salzeli bin Moktar, Pengarah JKR Negeri Melaka; YBrs. Puan Erne binti Hamsah, Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), serta pegawai-pegawai kanan MOTAC dan Kerajaan Negeri Melaka.

MAJLIS PENYERAHAN KERJA MENAIK TARAF KOMPLEKS HANG TUAH CENTRE, DUYONG, MELAKA





MOTAC LANCAR KEMPEN AMALAN BUDAYA NILAI TINGGI



24 SEPTEMBER 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah melancarkan Kempen Amalan Budaya Nilai Tinggi bertempat di Panggung Sari, Kompleks Kraf. Dalam ucapannya, beliau amat yakin bahawa pengamalan budaya nilai tinggi dalam kehidupan seharian, sama ada dalam bentuk komunikasi, pertuturan, panggilan, perlakuan serta pergaulan adalah penting.

Ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk melahirkan Masyarakat MADANI yang mempunyai budaya nilai tinggi dalam semua aspek kehidupan. Amalan Budaya Nilai Tinggi merupakan teras pertama dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Pelancaran Kempen Amalan Budaya Nilai Tinggi adalah kesinambungan pada Kempen Budi Bahasa Budaya Kita yang bertujuan memupuk dan menghayati budi bahasa serta nilai murni dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Bertemakan **“Amalan Budaya Nilai Tinggi, Negara Maju Rakyat Berbudaya”**. Budaya Nilai Tinggi merangkumi amalan nilai-nilai murni yang mencakupi sepuluh (10) nilai bersama iaitu Kemuliaan




Ilmu, Kesejahteraan, Kerohanian, Kejujuran, Kesetiaan, Kesaksamaan, Kebersihan, Keindahan, Muafakat dan Budi untuk dijadikan amalan bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan. Turut hadir, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, YB Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Haji Awang bin Sariyan, Ahli Dewan Negara, YBrs. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC, Ketua-ketua Jabatan, pegawai kanan MOTAC, wakil-wakil Kementerian, Jabatan, Agensi dan Penggiat Seni.

KEMPEN AMALAN BUDAYA NILAI TINGGI



23 SEPTEMBER 2024 - Amalan Budaya Nilai Tinggi merupakan teras pertama dalam Dasar Kebudayaan Negara. Pelancaran Kempen Amalan Budaya Nilai Tinggi adalah kesinambungan pada Kempen Budi Bahasa Budaya Kita yang bertujuan memupuk dan menghayati budi bahasa serta nilai murni dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Budaya Nilai Tinggi merangkumi amalan nilai-nilai murni yang mencakupi sepuluh (10) nilai bersama iaitu Kemuliaan Ilmu, Kesejahteraan, Kerohanian, Kejujuran, Kesetiaan, Kesaksamaan, Kebersihan, Keindahan, Muafakat dan Budi untuk dijadikan amalan bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan. Bertemakan **“Budaya Nilai Tinggi, Negara Maju Rakyat Berbudaya”**. Kempen ini merupakan kempen yang dilaksanakan di peringkat Kementerian sebelum dilaksanakan secara umum di peringkat Nasional. **“Negara Maju Rakyat Berbudaya”**.





“4TH WORLD ISLAMIC TOURISM CONFERENCE” (WITC) PERKUKUH KERJASAMA GLOBAL DALAM PELANCONGAN ISLAM

23 SEPTEMBER 2024 - Dalam sebuah slot temu bual dengan BERNAMA Radio, YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah membuat perkongsian mengenai hasil utama kejayaan “4th World Islamic Tourism Conference” (WITC) yang berlangsung di Sunway Resort Hotel pada 12 hingga 13 September lalu. Beliau merumuskan hasil dari persidangan WITC 2024 yang merangkumi empat trek utama iaitu Memahami Pelancong Muslim, Pelancongan dan Komuniti Mesra Muslim, Pertumbuhan dan Peluang, serta Inklusiviti.

Pelbagai topik telah dibincangkan termasuk pemasaran kandungan dan pengaruh Muslim, peluang dalam ruang digital untuk pelancong Muslim, mempromosikan warisan Islam sebagai pemacu pelancongan, serta kepentingan piawaian dan pensijilan dalam membangunkan ekosistem pelancongan Islam yang kukuh. Ia bukan sahaja menjadi platform untuk perkongsian ilmu dan pengalaman, tetapi juga mempamerkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan mesra Muslim di rantau ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari witc.gov.my.



MESYUARAT MAYA BERSAMA SCOOT AIRLINES UNTUK LALUAN SINGAPURA-SANDAKAN



26 SEPTEMBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, telah mempengerusikan mesyuarat bersama Scoot Airlines secara atas talian, semalam. Mesyuarat ini bertujuan meneroka potensi penerbangan terus di antara Singapura dan Sandakan, Sabah.

Antara intipati yang dibincangkan sewaktu perbincangan berlangsung adalah mengenai potensi pelancongan negeri Sabah yang kian berkembang pesat, destinasi-destinasi utama pelancongan di Sandakan, Sabah seperti Pusat Pemulihan Orangutan Sepilok, Taman Pulau Penyu yang memukau dan hidangan makanan laut Sandakan. Selain itu, mesyuarat ini juga turut membincangkan potensi kerjasama bagi penerbangan sewa khas ke melalui Geran Sokongan Penerbangan Sewa Khas dan peluang kerjasama dalam mengadakan promosi bagi kedua-dua pihak terlibat.

Kerjasama ini dilihat mampu meningkatkan kesalinghubungan dan merencanakan pertumbuhan industri pelancongan di kedua-dua negara. Oleh itu, kerjasama ini juga mampu memudahkan para pelancong dari Singapura untuk meneroka keajaiban alam semulajadi dan keindahan budaya di bumi Sandakan. Hasil mesyuarat ini mendapat respons yang cukup positif dari pihak Scoot Airlines. Nantikan perkembangan lanjut berkenaan perkara ini dalam usaha meletakkan Sandakan sebagai destinasi wajib dilawati di peta pelancongan global menjadi satu realiti.





SAMBUTAN HARI PELANCONGAN SEDUNIA 2024 - “WORDL TOURISM DAY: HOSTED BY GEORGIA”



GEORGIA, 27 September 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture on behalf of the Government of Malaysia had the honour of receiving Malaysia's mandate, as the next host country of **UN Tourism's World Tourism Day (WTD) in 2025 with the theme, "Tourism and Sustainable Transformation"** in Tbilisi, Georgia. He is joined by Melaka's Chief Minister, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusof and YB Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman, Tourism, Heritage, Arts and Culture Exco, to name a few.

The worldwide event, which gathered approximately 160 member states across the globe, serves as a platform among various stakeholders to acknowledge and celebrate the global effects of the tourism sector on social, cultural, political, and economic values. Through this platform, the Ministry also showcased Malaysia's efforts to maintain a commitment to its unique identity as a sustainable and culturally rich nation, while ensuring that the local tourism industry is well-balanced.

Tourism is vital for Malaysia, not only for the economy but also for uniting diverse cultures. With over 60 ethnic groups, tourism fosters understanding and appreciation among people, promoting tolerance and cooperation. Additionally, it creates jobs and opportunities for local communities by improving infrastructure and supporting local businesses, which helps reduce poverty and build shared prosperity.

Furthermore, the Ministry has also announced that the State of Melaka will be the host city for WTD 2025 with the theme "Tourism and Sustainable Transformation", to showcase Malaysia as a cultural melting pot that preserves its authentic cultural heritage and pristine natural wonders. It will be held concurrently with the 7th edition of the World Tourism Conference (WTC).

Sustainable tourism has become essential in the face of global challenges like climate change and biodiversity loss, necessitating the protection of the natural and cultural heritage for future generations. Hosting WTD and WTC 2025 is significant for Malaysia as it underscores its commitment to sustainable practices, such as eco-friendly infrastructure and community-based tourism, which aim to balance economic growth with environmental and social responsibility. This occasion will coincide with Malaysia's 2025 ASEAN Chairmanship and the 2026 Visit Malaysia Campaign.

Hosting these two international mega-events will optimise government expenditure, boost the return on investment (ROI), and increase the visibility of Malaysia among the members of UN Tourism. Hence, Malaysia is expected to receive an increase in tourist arrivals and receipts, which will build momentum for the Visit Malaysia 2026 (VM2026) campaign.

At the sidelines of this celebration, YB Dato Sri Tiong King Sing also had some courtesy calls namely with H.E. Levan Davitashvili, First Vice Prime Minister and Minister of Economy and Sustainable Development Georgia, H.E. Fatima Jaafar Al Sairafi, Minister of Tourism of the Kingdom of Bahrain, H.E. Aziz Abdukhakimov, Minister of Ecology, Environmental Protection and Climate Change of the Republic of Uzbekistan, and H.E. Zurab Pololikashvili, Secretary-General of the UN Tourism. Through these courtesy calls, discussions on current bilateral initiatives and future opportunities regarding the development of the tourism industry between Malaysia, Georgia, the Kingdom of Bahrain, the Republic of Uzbekistan, and UN Tourism have been discussed which would better prepare Malaysia for VM2026.



SAMBUTAN HARI PELANCONGAN SEDUNIA 2024: FOKUS PELANCONGAN DAN KEAMANAN



27 SEPTEMBER 2024

Selamat menyambut Hari Pelancongan Sedunia! Bertemakan **"Tourism and Peace"**, Hari Pelancongan Sedunia (WTD) disambut hari ini, pada 27 September 2024! **"World Tourism Day 2024 : Tourism and Peace"**.

27 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merasmikan sambutan Hari Pelancongan Sedunia (*World Tourism Day – WTD*) 2024 peringkat kebangsaan yang berlangsung di Putrajaya. Acara ini diraikan secara serentak oleh semua negara anggota UN Tourism setiap tahun bagi memupuk kesedaran mengenai sumbangan sektor pelancongan kepada pembangunan ekonomi, sosial, dan budaya. Tema tahun ini, "Pelancongan dan Keamanan", menekankan peranan pelancongan dalam menyokong keamanan melalui pertukaran budaya dan amalan mampan.

YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman menekankan keunikan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai kaum, agama dan budaya yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, membolehkannya dipromosikan sebagai satu destinasi pelancongan pilihan yang kaya budaya dan lestari, seterusnya memberikan pengalaman yang unik dan menarik kepada para pelancong. Tambahan pula, interaksi antara pelancong dan penduduk tempatan akan dapat membina pemahaman yang lebih baik, memperkukuhkan hubungan serta menyumbang kepada keharmonian dunia. Di samping itu, pelancongan juga berperanan mengurangkan kemiskinan dengan mewujudkan pekerjaan dan merangsang ekonomi tempatan. Ketua Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, melaporkan trend positif dalam industri pelancongan negara. Simposium **"Tourism and Peace"** yang turut diadakan memberi peluang kepada pelajar memahami bagaimana pelancongan menyumbang kepada hubungan antarabangsa dan pengukuhan ekonomi. Kementerian ini berharap dengan pelbagai inisiatif dan pelan yang telah dirangka oleh Kerajaan, industri pelancongan negara dapat terus berkembang maju dengan acuan tersendiri tanpa menjejaskan nilai-nilai kaya budaya negara ini.

Turut hadir, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pn Manon Bernie, Wakil Timbalan Wakil Residen, United Nations Development Programme (UNDP), ketua-ketua jabatan dan agensi MOTAC serta warga kementerian yang hadir memeriahkan sambutan Hari Pelancongan Sedunia (*World Tourism Day – WTD*) 2024.





MESYUARAT MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC) KE-32, VIENTIANE, LAO PDR, 25 - 27 SEPTEMBER 2024

25 SEPTEMBER 2024 - YB Khairul Fidaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, ke Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) Ke-32 yang telah diadakan di Vientiane, Lao PDR pada 25 – 27 September 2024. Mesyuarat ASCC adalah mesyuarat berjadual peringkat Menteri yang dianjurkan dua kali setahun bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan sosio-budaya di rantau ASEAN.

Mesyuarat ASCC Ke-32 telah dipengerusikan oleh TYT Suanesavanh Vignaket, Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan selaku Pengerusi ASEAN tahun 2024. Mesyuarat telah dihadiri oleh Menteri dan ketua-ketua delegasi negara ASEAN termasuk Timbalan Setiausaha Agung ASEAN (Komuniti Sosio-Budaya) TYT Ekkhaphab Phantavong.

Antara intipati kenyataan negara yang disampaikan oleh YB Timbalan Menteri MOTAC selaku Incoming Chair semasa mesyuarat adalah seperti berikut:

- (i) Malaysia menghargai kepimpinan oleh Lao PDR sepanjang tahun sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2023 dengan tema “ASEAN: *Enhancing Connectivity and Resilience*” yang merupakan tema yang relevan dan strategik serta merangkumi pelbagai bidang seperti infrastruktur, teknologi, ekonomi, dan kesejahteraan sosial.
- (ii) Malaysia mengucapkan tahniah atas pelancaran *ASCC Database for Monitoring and Evaluation System* dan laman web KNOWASSC yang berfungsi sebagai rujukan mudah alih mengenai inisiatif dan perkembangan terkini ASCC.
- (iii) Malaysia selaku Pengerusi Bersama bagi *Ad-Hoc Working Group Meeting on the ASCC Post-2025 Strategic Plan* akan memberikan komitmen penuh dalam penggubalan Pelan tersebut sehingga muktamad;
- (iv) Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam bidang sosio-budaya untuk menyokong dan mengukuhkan kerjasama serantau ASEAN terutamanya semasa Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025.

Mesyuarat ASCC Ke-32 ini didahului oleh tiga Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan iaitu, *Mesyuarat 7th Ad-Hoc Working Group to Develop the ASCC Post-2025 Strategic Plan*, *Mesyuarat 7th Meeting of ASEAN Working Group on the Declaration on Culture of Prevention for a Peaceful, Inclusive, Resilient, Healthy and Harmonious Society* serta *Mesyuarat 37th Senior Officials’ Committee for the ASCC Council*. Turut hadir bersama adalah YBhg. Dato’ Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) dan YBrs. Dr. Christina Yeo, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan, MOTAC.





TOURISM EXPO JAPAN (TEJ) AND THE 7TH TOURISM EXPO JAPAN MINISTERIAL ROUND TABLE, TOKYO, JAPAN

28 SEPTEMBER 2024 - YBrs. Dr. Yasmeen binti Yasim, the Deputy Secretary-General (Tourism) of Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) who represented YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture, together with the Director General of Tourism Malaysia (TM), YBhg. Datuk Manoharan Periasamy and H.E. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Ambassador of Malaysia to Japan, officially inaugurated the Malaysian Pavilion at the prestigious Tourism EXPO Japan (TEJ) 2024, held from 26 to 29 September at Tokyo Big Sight.

This annual event, organized by the Japan Association of Travel Agents (JATA), draws participation from over 70 countries, including Malaysia. This year, TM introduced specialized promotional campaigns, showcasing niche tourism products such as Edu+ and Golf Tourism, strategically designed to captivate the Japanese market. These initiatives form an important part of Malaysia's ongoing efforts to attract high-spending tourists and are integral to the broader strategy leading up to Visit Malaysia Year 2026 (VM2026). Furthermore, Dr. Yasmeen also represented YB Minister in the 7th Tourism Expo Japan Ministerial Round Table in conjunction with TEJ 2024. With the theme "Creating a New Travel Journey," Dr. Yasmeen delivered a keynote remark emphasizing Malaysia's strategic approach to building a high-value tourism industry.

In alignment with the National Tourism Policy 2020-2030, she highlighted key focus areas such as nature-based tourism, cultural heritage experiences, luxury tourism and MICE, all of which are pivotal to Malaysia's vision of reinvigorating the tourism sector.



28 SEPTEMBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Jabatan Kesenian dan Budaya Negeri Perak telah menganjurkan Program Jangkauan Budaya Nilai Tinggi Bersama Komuniti Orang Asli Kampung Air Bah, Gerik. Majlis yang dirasmikan oleh YBrs. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC menekankan bahawa kerajaan komited memperkukuhkan amalan budaya nilai tinggi di seluruh negara.

Program ini juga memberi peluang kepada komuniti Orang Asli untuk menyuarakan aspirasi dan memperkenalkan keunikan budaya Orang Asli kepada masyarakat umum dan dunia luar. Sejarar dengan aspirasi Malaysia MADANI, penghayatan kepada budaya nilai tinggi memainkan peranan penting dalam hidup masyarakat majmuk di Malaysia. Program ini turut menjadi platform kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kepada budaya warisan komuniti Orang Asli dan membuktikan bahawa kerajaan melalui MOTAC sentiasa menitik berat warisan kaum di Malaysia. Program ini turut menjalankan aktiviti interaktif dan pameran yang mendapat penglibatan masyarakat Orang Asli di mana melalui aktiviti ini membuka ruang untuk pembangunan sosioekonomi melalui pelancongan budaya.

Turut hadir, YBrs. Tuan Mohamad Fitri bin Hassan, Pegawai Daerah dan Tanah Hulu Perak; YBrs. Encik Mohd Noor Azam bin Ismail, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kecil Lenggong; YBrs. Encik Rizal bin Alias, Tok Batin Kampung Air Bah; dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.

PROGRAM JANGKAUAN BUDAYA NILAI TINGGI BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI KAMPUNG AIR BAH, GERIK, PERAK





PROGRAM MADANI RAKYAT “SARAWAKKU SAYANG”, MIRI, SARAWAK

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MELAWAT RERUAI MOTAC



28 SEPTEMBER 2024 - YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air telah mengadakan lawatan ke reruai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sempena penganjuran **Program MADANI Rakyat “Sarawakku Sayang”** yang diadakan di Miri, Sarawak. Lawatan beliau disambut dengan persembahan dan alunan muzik Wayang Kulit yang dimainkan oleh pelajar dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bersama Dalang Pak Nasir yang merupakan Adiguru Wayang Kulit.

Turut mengiringi beliau semasa lawatan, YBrs. Dr Tan Awang Besar, Rektor ASWARA, YBrs. Puan Ina Tisha Merican binti Din Merican, Ketua Unit Petunjuk Prestasi Utama dan Pemerkasaan Agenda Bumiputera MOTAC dan pegawai kanan MOTAC.

KSU MOTAC ADAKAN LAWATAN KE RERUAI MOTAC



28 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan lawatan ke reruai MOTAC sempena Program Madani Rakyat **“Sarawakku Sayang”** di Miri, Sarawak. Lawatan beliau turut diiringi dengan persembahan selamat datang oleh Adiguru Wayang Kulit Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Pak Nasir dan pelajar ASWARA.

Dalam lawatan tersebut, beliau turut berkesempatan beramah-mesra bersama petugas sekaligus mencuba sendiri aktiviti interaktif yang terdapat di reruai MOTAC. Turut hadir bersama, YBrs. Dr. Tan Awang Besar, Rektor ASWARA; YBrs. Puan Zubaidah binti Mukhtar, Ketua Pengarah Istana Budaya; YBrs. Encik Mohamad Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara (JWN) dan pegawai-pegawai MOTAC.



28 SEPTEMBER 2024 - Mural **“Sarawakku Sayang”** yang ditampilkan sempena Program MADANI Rakyat “Sarawakku Sayang” di Miri, Sarawak mengisahkan tradisi kasih dan sayang, merupakan interpretasi Amey Sheikh Ali untuk mural perpaduan. Mural yang berkonsepkan grafiti dan grafik ini menggunakan warna-warna terang dan sentuhan warna *fluorescence* bertujuan mencuri perhatian pengunjung. Pelukis dan pereka anak jati Miri ini memaparkan dua individu sedang menari seiringan di bahagian tengah mural dalam mengenengahkan keterangkuman dan persaudaraan selari dengan intipati Malaysia MADANI.

Selain itu, paparan pakaian tradisional Kaum Ulu di Sarawak menjadi lambang budaya setempat, alunan pergerakan watak di dalam mural mempamerkan dinamik di dalam pergerakan dan kemajuan masyarakat yang hidup bersatu padu dalam merencanakan perpaduan di Malaysia. Paparan visual ini simbolik meraikan kepelbagaian idea dalam dialog yang tersendiri. Tulisan Malaysia Madani dijenamakan dengan gaya ‘tulisan tangan’ di latar belakang mural untuk menunjukkan pembaharuan dalam membentuk daya cipta yang progresif. Mural ini mempamerkan budaya, kesatuan dan rasa sayang di dalam persembahan visual yang unik.



KUNJUNGAN HORMAT DARI PESURUHJAYA TINGGI BRITISH H.E. DAVID WALLACE



30 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Secretary General of the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC) today received a courtesy call from the Acting British High Commissioner to Malaysia, H.E. David Wallace and his delegation which includes H.E. Sarah Tiffin, UK Ambassador to ASEAN and Mr. Rhys Jackson, Foreign Policy Advisor. The purpose of the meeting is to discuss Malaysia's upcoming chairmanship of ASEAN, particularly under the Socio-Cultural Community (ASCC). Both sides exchanged views on current regional and international issues related to ASCC that can be potentially explored for cooperation between the two countries.

As ASEAN's latest dialogue partner in 2021 after 25 years, the UK has much to offer in supporting the region's growth and development including Malaysia. MOTAC shared the indicative list of priorities and activities during Malaysia's ASCC Chairmanship including the hosting of the ASEAN Ministers for Culture and Arts (AMCA) meeting in October 2024 in Melaka, while the UK side listed the potential areas for collaboration considering the emerging socio-economic trends and needs in this region. Also present during the courtesy call was Dr. Christina Yeo, Undersecretary of International Relations (Culture), and Ms. Ooi Bee Ling, Special Officer to the Secretary General of MOTAC.

WACANA WARISAN 2024 (SIRI 8)
MENOLAK TRADISI KITA BAKAL KEHILANGAN NILAI
 Ombak
YBHG DATO' ARIPIN BIN SAID
 WAKILAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
 27 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)
 09:00 PAGI
 PUSAT PENGEMBANGAN WARISAN
 JALAN WAKILAN NEGARA, BANGSARAN SULAI ABU SAMAR, JALAN PAKSI, 30000 SIBUVA, LAMPUNG


INI KRAF MALAYSIA
 THIS IS MALAYSIAN CRAFT
 KEUNIKAN KEASLIAN EKSKLUSIF
 JUALAN KRAF
 PAMERAN PRODUK
 KRAF BAHARU
 TAKLIMAT
 BATIK MALAYSIA
 (23 September 2024 - 10.00 tengah hari)
 JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)
 Lobi Utama JPN, Aras G
 25 - 27 September 2024 (Rabu - Jumaat)
 9.00 Pagi - 5.00 Petang
SEMUA DIJEMPUT HADIR

KARNIVAL KOMPLEKS KRAF
 Craft Complex Carnival
 28 - 29 Sept 2024
 9.00 pagi/Am - 6.00 petang/Perp.
 Kompleks Kraf Kuala Lumpur,
 Jalan Conlay

AKTIVITI Activities

- JUALAN KRAF Craft Sales
- PAMERAN KRAF Craft Exhibitions
- DEMONSTRASI KRAF Craft Demonstrations
- INTERAKTIF KRAF Craft Interactive
- PERSEMBAHAN KESNIAN Stage Performance
- AKTIVITI GALAKAN PENGUNJUNG Visitor Activities
- FOOD TRUCK
- LAWATAN BERPANDU BERKUMPULAN Group Guided Tour

SEMUA DIJEMPUT HADIR All Are Invited





PROGRAM TOWNHALL MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H) BERSAMA BAHAGIAN PEMBANGUNAN NEGERI DAN MOTAC NEGERI



30 SEPTEMBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menganjurkan Sesi Townhall bagi Program Malaysia My Second Home (MM2H) yang telah dihadiri oleh peserta dari Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan wakil MOTAC Negeri. Sesi ini bertujuan untuk memberikan maklumat terkini mengenai syarat-syarat baharu di bawah Program MM2H serta garis panduan pelesenan yang berkuatkuasa ke atas syarikat-syarikat pengendali MM2H yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sesi townhall ini telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Khairul Ezam bin Mohd Rasali, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan, dan turut dihadiri oleh Encik Azhan bin Abrar, Pengarah Program MM2H.



PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

“MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA”



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA

f @ X d mymotac | www.motac.gov.my

